



## KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, JULAI 2023

**Bilangan penganggur terus menurun kepada 579.2 ribu orang pada Julai 2023, mencatatkan kadar pengangguran 3.4 peratus**

**PUTRAJAYA, 8 September 2023** – Bilangan penganggur terus menurun kepada 579.2 ribu orang pada Julai 2023, mencatatkan kadar pengangguran 3.4 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Julai 2023**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi Julai 2023, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pasaran buruh dilihat berkembang secara sederhana, merekodkan bilangan penduduk bekerja yang semakin meningkat, manakala bilangan penganggur menurun. Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada Julai 2023 naik sebanyak 0.1 peratus kepada 16.91 juta orang (Jun 2023: 16.89 juta orang), mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi pada bulan tersebut iaitu pada 70.1 peratus (Jun 2023: 70.0%).”

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja pada Julai 2023 mencatatkan trend menaik yang berterusan, dengan peningkatan 0.2 peratus bulan ke bulan kepada 16.34 juta orang (Jun 2023: 16.31 juta orang). Manakala, bilangan penganggur pada bulan tersebut terus menurun, berkurang sebanyak 0.4 peratus kepada 579.2 ribu orang (Jun 2023: 581.7 ribu orang). Kadar pengangguran bulan Julai kekal pada 3.4 peratus seperti pada bulan sebelumnya.

Mengulas lanjut mengenai kedudukan guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Kategori pekerja, yang secara konsisten membentuk komposisi terbesar penduduk bekerja, merangkumi peratus sumbangan sebanyak 75.4 peratus. Kategori ini mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 12.31 juta orang (Jun 2023: 12.30 juta orang). Begitu juga, penduduk bekerja sendiri turut berada dalam trend meningkat, dengan kenaikan sebanyak 0.4 peratus merekodkan 2.96 juta orang (Jun 2023: 2.95 juta orang).”

Dari segi sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti perkhidmatan Makanan &

minuman; Perdagangan borong & runcit; dan Pendidikan. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian juga kekal dalam trend positif, manakala sektor Pembuatan dan Pertanian merekodkan penurunan sedikit pada bulan tersebut.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan Julai, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, merangkumi 80.2 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini merekodkan penurunan sebanyak 0.5 peratus kepada 464.7 ribu orang (Jun 2023: 466.9 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 61.3 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun merangkumi 6.3 peratus. Pada masa yang sama, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 peratus kepada 114.5 ribu orang (Jun 2023: 114.8 ribu orang)."

Pada bulan tersebut, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 10.9 peratus, dengan bilangan penganggur belia seramai 311.2 ribu orang (Jun 2023: 11.0%; 312.4 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 6.8 peratus, merekodkan 444.8 ribu penganggur belia (Jun 2023: 6.9%; 446.8 ribu orang).

Bagi kumpulan tidak aktif pula, bilangan penduduk di luar tenaga buruh turun sedikit iaitu sebanyak 0.01 peratus kepada 7.23 juta orang pada Julai 2023 (Jun 2023: 7.23 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komposisi utama luar tenaga buruh (43.6%), diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan (39.8%).

Merumuskan keseluruhan kedudukan tenaga buruh pada Julai 2023, selaras dengan jangkaan perniagaan yang positif pada suku tahun ketiga, yang disokong oleh kestabilan pasaran buruh, peningkatan dalam pelancongan domestik dan prospek yang lebih optimistik dalam industri pelancongan kesihatan, kedudukan tenaga buruh negara dijangka kekal positif dan berkembang secara sederhana pada bulan seterusnya berikutan prospek ekonomi jangka pendek Malaysia diramal menyederhana pada bulan-bulan yang akan datang.

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

**Carta 1:** Pengangguran, Malaysia, Julai 2020 - Julai 2023



**Carta 2: Luar tenaga buruh, Malaysia, Julai 2020 - Julai 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
8 SEPTEMBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA,**  
**JULY 2023**

***The number of unemployed declined further to 579.2 thousand persons in July 2023, registering an unemployment rate of 3.4 per cent***

**PUTRAJAYA, 8 September 2023 –** The number of unemployed persons declined further to 579.2 thousand persons in July 2023, registering an unemployment rate of 3.4 per cent, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, July 2023**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for July 2023, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The labour market is seen to continue to expand moderately, recording a steadily increasing number of employed persons, while the number of unemployed is decreasing. Therefore, the number of labour force in July 2023 improved by 0.1 per cent to 16.91 million persons (June 2023: 16.89 million persons), registering a higher labour force participation rate (LFPR) during the month at 70.1 per cent (June 2023: 70.0%).”

Additionally, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of employed persons in July 2023 recorded a continuous upward trend, with an increase of 0.2 per cent month-on-month to 16.34 million persons (June 2023: 16.31 million persons). Meanwhile, the number of unemployed persons during the month continued to decline, falling by 0.4 per cent to 579.2 thousand persons (June 2023: 581.7 thousand persons). July's unemployment rate remained at 3.4 per cent as in the previous month.

Elaborating further on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia said, “The employee's category, which had consistently made up the largest composition of the employed persons, comprised a share of 75.4 per cent. This category registered a month-on-month increase of 0.1 per cent to 12.31 million persons (June 2023: 12.30 million persons). Likewise, the own-account workers were also on an increasing trend, with a rise of 0.4 per cent to record 2.96 million persons (June 2023: 2.95 million persons).”

*In terms of the economic sector, the Services sector continued to record increases in the number of employed persons, particularly in Food & beverage services; Wholesale & retail trade; and Education activities. Likewise, the number of employed persons in the Construction and Mining & quarrying sectors also remained on a positive trend, while the Manufacturing and Agriculture sectors recorded marginal declines during the month.*

*Commenting further on the unemployment situation in July, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Those who were available for work and were actively seeking jobs or the actively unemployed, made up 80.2 per cent of the total unemployed persons. This category recorded a decrease of 0.5 per cent to 464.7 thousand persons (June 2023: 466.9 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months comprised 61.3 per cent, while those who had been in long-term unemployment for more than a year encompassed 6.3 per cent. On the same note, the inactively unemployed or those who believed that there were no jobs available, posted a decline of 0.3 per cent to 114.5 thousand persons (June 2023: 114.8 thousand persons)."*

*During the month, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 years edged down by 0.1 percentage points to 10.9 per cent, with the number of unemployed youths at 311.2 thousand persons (June 2023: 11.0%; 312.4 thousand persons). Likewise, the unemployment rate among youth aged 15 to 30 years fell by 0.1 percentage points to 6.8 per cent, recording 444.8 thousand unemployed youths (June 2023: 6.9%; 446.8 thousand persons).*

*As for the inactivity group, the number of persons outside the labour force declined marginally by 0.01 per cent to 7.23 million persons in July 2023 (June 2023: 7.23 million persons). Housework/ family responsibilities were the major composition of the outside labour force (43.6%), followed by the schooling/ training category (39.8%).*

*Concluding the overall labour force situation in July 2023, in line with the positive business expectations for the third quarter of 2023, which are supported by the stability of the job market, the increase in domestic tourism and more optimistic prospects in the health tourism industry, the country's labour force position is expected to remain positive and expand moderately in the upcoming month as Malaysia's short-term economic outlook is anticipated to moderate in the future months.*

*Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.*




DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.


DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

**Chart 1: Unemployment, Malaysia, July 2020 - July 2023**



**Chart 2: Outside labour force, Malaysia, July 2020 - July 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
8 SEPTEMBER 2023**